

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	SEMINAR PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PAHANG DAN PELANCARAN PAHANG PRODUKTIF ANJURAN BERSAMA MPC DENGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
TARIKH	:	4 MAC 2021 (KHAMIS)
TEMPAT	:	PROGRAM AKAN DIJALANKAN SECARA ONLINE
ANGGARAN PESERTA	:	400 PESERTA DAN AKAN JUGA DISIARKAN SECARA LIVE MELALUI FB LIVE SUK PAHANG
CADANGAN PROGRAM	:	MAJLIS PELANCARAN PAHANG PRODUKTIF & MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PRODUCTIVITY CHAMPION WILAYAH PANTAI TIMUR 2021 & PENYAMPAIAN SIJIL PENGURUSAN LEAN KEPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG KERTAS KERJA I: : PENINGKATAN PRODUKTIVITI SEKTOR AWAM MELALUI REFORMASI PERATURAN KINI OLEH MPC KERTAS KERJA II : : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI KERAJAAN DIGITAL OLEH MAMPU KERTAS KERJA III : INISIATIF DIGITALISASI PERKHIDMATAN NEGERI PAHANG OLEH PAHANG GO/SUK PAHANG KERTAS KERJA IV: SESI PERKONGSIAN DALAM MENGAPLIKASIKAN DIGITALISASI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN OLEH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
IMPAK KEPADA PESERTA	:	- DAPAT MENINGKATKAN DAN MEMPERKASAKAN PEMBUDAYAAN PRODUKTIVITI DAN INOVASI MELALUI DIGITALISASI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN. - PLATFORM PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU YANG TELAH BANYAK MENYOKONG AKTIVITI ANJURAN MPC DALAM USAHA MENINGKATKAN DAN MEMPERKASAKAN PEMBUDAYAAN PRODUKTIVITI DAN INOVASI DI SELURUH NEGARA. - MENERANGKAN INISIATIF BERKAITAN DIGITALISASI KERAJAAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PERKHIDMATAN AWAM PAHANG DAN PERSEKUTUAN BAGI MEMBANTU MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT DENGAN LEBIH CEKAP DAN BERKESAN
KOS	:	RM 3,500.00 (OPERASI)
HASIL	:	TIADA
BAH/ WIL/ UNIT	:	MPC WILAYAH PANTAI TIMUR (PAHANG)
BAKI PERUNTUKAN / TT KETUA AKAUNTAN	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
LEMBAGA PENGURUSAN (BOM) MPC

**SEMINAR PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI PAHANG DAN PELANCARAN PAHANG PRODUKTIF
ANJURAN BERSAMA MPC DENGAN PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN PAHANG**

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC untuk MPC Wilayah Pantai Timur (Pahang) menganjurkan **Seminar Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan Pelancaran Pahang Produktif** anjuran bersama MPC dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang secara online, dengan cadangan peruntukan operasi sebanyak RM3,500.00.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Digitalisasi Kerajaan merupakan satu transformasi penyampaian perkhidmatan awam dimana penyampaian maklumat dan perkhidmatan dilaksanakan dalam talian melalui internet atau kaedah digital. Objektif utama pelaksanaan Digitalisasi dalam sistem Kerajaan ini adalah untuk meningkatkan akses dan penyampaian maklumat dan perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai, agensi lain, dan entiti kerajaan lain, serta untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan, kualiti perkhidmatan dalam operasi dan pentadbiran kerajaan.

2.2 Oleh yang demikian, Krisis COVID-19 telah menyebabkan keperluan untuk membangunkan perkhidmatan e-kerajaan yang baru serta ia juga telah menarik lebih ramai pengguna untuk menggunakan perkhidmatan e-Kerajaan sedia ada.

2.3 Sehubungan dengan itu, MPC dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bercadang untuk menganjurkan Seminar Peningkatan

Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan Pelancaran Pahang Produktif yang akan dilaksanakan secara Maya menggunakan ZOOM/Webinar.

2.4 Mesyuarat bersama Unit Korporat, SUK Pahang pada 11 Januari 2021 dimaklumkan YB Dato Sri Setiausaha Kerajaan Pahang telah bersetuju bagi penganjuran program ini.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Para peserta program akan mendapat faedah seperti berikut :

- Dapat meningkatkan dan memperkasakan pembudayaan produktiviti dan inovasi melalui digitalisasi dalam penyampaian perkhidmatan.
- platform penyampaian sijil pengiktirafan kepada individu-individu yang telah banyak menyokong aktiviti anjuran mpc dalam usaha meningkatkan dan memperkasakan pembudayaan produktiviti dan inovasi di seluruh negara.
- Menerangkan inisiatif berkaitan digitalisasi kerajaan yang dilaksanakan oleh perkhidmatan awam pahang dan persekutuan bagi membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkesan
- Mewujudkan jaringan usahasama di kalangan agensi dan organisasi di wilayah Pantai Timur.

4.0 CARA PELAKSANAAN

4.1 Program ini akan diadakan selama ½ hari.

4.2 Pelancaran Pahang Produktif

4.3 Penyampaian Anugerah Productivity Champion & Sijil Pengurusan LEAN

4.4 Penyampaian Kertas Kerja

5.0 JADUAL PROGRAM

5.1 Cadangan aturcara program adalah sebagaimana berikut:

MASA	AGENDA
9.00 pagi	Ucapan Aluan oleh Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
9.15 pagi	Ucapan Perasmian oleh YB Setiausaha Kerajaan Pahang dan Pelancaran Pahang Produktif
9.30 pagi	Montaj Penyampaian Anugerah Productivity Champion Wilayah Pantai Timur 2020 dan Penyampaian Sijil Pengurusan LEAN kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
9.45 pagi	Kertas Kerja 1 Peningkatan Produktiviti Sektor Awam Melalui Reformasi Peraturan Oleh MPC
10.15 pagi	Kertas Kerja 2 Penyampaian Perkhidmatan melalui Kerajaan Digital Oleh MAMPU/MDEC
11.00 pagi	Kertas Kerja 3 Inisiatif Digitalisasi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
11.30 tgh	Kertas Kerja 4 Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Mengaplikasikan Digitalisasi Dalam Penyampaian Perkhidmatan oleh Pahang Go/Pejabat SUK Pahang
12.15 tgh	Program tamat

6.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

6.1 Anggaran peruntukan dan perbelanjaan adalah berdasarkan kepada anggaran berikut :

- i) Penyertaan peserta
- ii) Perbelanjaan pengurusan

6.2 Pecahan Perbelanjaan adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga/pax	Jumlah Harga (RM)
A	Bayaran Penceramah			
3	Honorarium Penceramah	3	500.00	1,500.00

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga/pax	Jumlah Harga (RM)
B	Lain-Lain			
	Montaj Pelancaran Pahang Produktif & Anugerah Productivity Champion	1	2,000.00	2,000.00
	Jumlah Harga			3,500.00

8.0 KAEDAH PERLAKSANAAN

8.1 Pihak MPC Wilayah Pantai Timur (Pahang) mencadangkan agar program ini dijalankan secara online.

9.0 SYOR

9.1 Pengurusan MPC (BOM) dengan segala hormatnya dipohon untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan cadangan MPC Wilayah Pantai Timur (Pahang) untuk menjalankan program Seminar Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan Pelancaran Pahang Produktif anjuran bersama MPC dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang secara online dengan cadangan peruntukan operasi sebanyak RM3,500.00.

Disediakan oleh:



(Faridah binti Taju Rahim)
Pengurus
MPC Wilayah Pantai Timur
27 Januari 2021

Disahkan oleh:



(Mohd Azwan Mohd Salleh)
Pengarah
MPC Wilayah Pantai Timur
27 Januari 2021